

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbandingan pencapaian pembelajaran bahasa Tamil dalam kelas biasa dan kelas POL. Kajian ini dijalankan di sekolah menengah daerah Muar, Johor. Perbandingan pencapaian pelajar dilakukan berdasarkan keputusan peperiksaan PMR dan SPM, kemahiran menulis, kemahiran membaca serta sikap pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Tamil.

Seramai 100 orang pelajar yang belajar bahasa Tamil dipilih untuk kajian ini iaitu 50 pelajar yang belajar bahasa Tamil dalam jadual waktu dan 50 pelajar yang belajar bahasa Tamil di luar jadual.

Pengumpulan data diperoleh melalui analisis keputusan peperiksaan awam bahasa Tamil daerah Muar dari tahun 2005-2007, ujian karangan, ujian bacaan dan soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif.

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar yang belajar bahasa Tamil dalam kelas POL mempunyai pencapaian yang baik berbanding dengan pelajar yang belajar bahasa Tamil dalam kelas biasa. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap Bahasa Tamil tidak mempengaruhi pencapaian mereka, tetapi sikap pelajar terhadap guru mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran bahasa Tamil.

Justeru, beberapa cadangan diberikan untuk memperbaiki pencapaian bahasa Tamil di sekolah menengah. Cadangan dikemukakan berdasarkan kepada dapatan dan pemahaman pengkaji.

ABSTRACT

The aim of this research is to make comparison on students achievement in learning Tamil language in normal class and POL (Pupils Own Language) class. This research was carried out in secondary schools in Muar district. The comparison of students achievement in Tamil Language was based on the PMR and SPM examination results, writing skill, reading skill and students attitude towards Tamil language.

100 students were involved in this research. 50 of them learn Tamil language within the timetable and the other 50 learn Tamil language in POL class. Data was gathered through the analysis of public examination results of Tamil language of Muar district from year 2005-2007, written tests , oral tests and questionnaires. Descriptive method was used to analyze the data.

Finding of this research shows that students who learn Tamil language in POL class show better achievement than those who learn Tamil language in normal class. Students' attitude however did not influence their achievement, but their attitude towards the teacher influenced their achievement in Tamil language.

Thus, a few suggestions are proposed to improve the achievement of Tamil language in secondary schools. These suggestions are based on the researcher's findings and understanding.